



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

PINDAAN AKTA KEBANKRAPAN 1967





PELINDUNGAN PENJAMIN SOSIAL

Pelindungan mutlak diberi kepada penjamin sosial (Tindakan kebangkrapan tidak boleh diambil). Penjamin sosial diberikan pelindungan mutlak kerana tidak mendapat sebarang keuntungan atau faedah daripada pinjaman yang dibuat oleh peminjam



MEKANISME PENYELAMAT (VA)

Peluang terakhir bagi penghutang untuk berunding dan mengelakkan perintah kebangkrapan dijatuhkan oleh mahkamah. Penghutang yang memilih (sukarela) untuk menggunakan mekanisme ini perlu memfailkan permohonan perintah interim di mahkamah.




PELEPASAN TANPA BANTAHAN PEMIUTANG

RUUK 2016 tidak membenarkan bantahan dibuat oleh pemiutang sekiranya bankrap telah meninggal dunia, seorang penjamin sosial, pesakit kronik atau OKU.



TABUNG BANTUAN INSOLVENSII

Mewujudkan Tabung Bantuan Insolvensi (*Insolvency Assistance Fund*) untuk tujuan menambahbaik dan memantapkan lagi pentadbiran kes-kes kebangkrapan.



PELEPASAN AUTOMATIK

Peruntukan baharu ini melayakkan bankrap dilepaskan selepas tempoh tiga tahun dari tarikh pemfailan Penyata Hal Ehwal, memenuhi sasaran sumbangan (*target contribution*) yang ditentukan oleh KPI, pemfailan penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap 6 bulan dan tertakluk kepada bantahan pemiutang e.g. kesalahan di bawah s.421-424 Kanun Keseksan dll.



NILAI MINIMA DINAIKKAN

Nilai minima kebangkrapan di bawah seksyen 5 dinaikkan dari RM 50,000 kepada RM 100,000.



SERAHAN KEDIRI NOTIS/PETISYEN

Penyampaian kediri diperlukan supaya mekanisme penyelamat dapat dimanfaatkan apabila penghutang mempunyai maklumat mengenai tindakan kebangkrapan ke atasnya.



SISTEM 1 PERINTAH KEBANKRAPAN

Sistem satu perintah kebangkrapan (*single bankruptcy order*) menggantikan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (*Receiving and Adjudication Order*). Pindaan ini juga mengambil kira mekanisme penyelamat yang akan diwujudkan dalam pindaan undang-undang ini.



Risalah ini telah dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia yang beralamat di Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Presint 3 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62692 Putrajaya bagi tujuan Jerayawara Rang Undang-Undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 sahaja. Sila dapatkan penerangan lanjut dari Pegawai dari Jabatan ini



www.mdi.gov.my



+603 8885 1288